

Memanfaatkan Masa Sebagai Seorang Pelajar

Oleh: Siti Nur Syafiah Abd Rahman

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 10 Ogos 2021

Setiap orang ada zaman atau masa jatuh bangun tersendiri. Mungkin hari ini seseorang itu boleh ketawa, tetapi siapa sangka yang dia akan menangis pada keesokan hari?

Boleh jadi minggu ini seorang pelajar memanfaatkan masa yang ada sebaik mungkin, tetapi mungkin minggu-minggu yang akan datang, dia tidak bermaya untuk menjalani tugas seharian.

Pelajar yang berjaya ialah yang pandai mengatur masanya. Dia berusaha memastikan setiap masa yang dilalui ada matlamatnya. Baginya, masa adalah modal penting untuk mencapai kecemerlangan di dunia dan akhirat. Maka, tiada istilah 'buang masa' dalam kamus dirinya.

Disiplin masa dituntut terhadap seluruh umat Islam. Abu Zar r.a. pernah bertanya kepada Nabi Muhammad SAW mengenai kandungan suhuf iaitu kitab suci yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim a.s. Baginda menjelaskan bahawa kitab itu memuatkan kata-kata hikmah.

Menurut Ibn Hibban, kata-kata hikmah tersebut ada menyebut, seseorang yang berakal wajib membahagikan masanya kepada beberapa bahagian, munajat kepada Allah, muhasabah diri, merenung hikmah ciptaan Allah serta menyediakan keperluan seperti makan dan minum.

Seorang pelajar hendaklah mengatur masa dengan baik agar matlamat yang disasarkan dapat dicapai. Jika tidak, masa akan berlalu begitu sahaja tanpa manfaat.

Kegagalan mengatur masa akan menyebabkan kegagalan dalam pelajaran. Namun setelah mengatur masa, maka perlunya motivasi yang tinggi untuk melaksanakannya.

Seorang pelajar juga perlu merancang jadual harian untuk melakukan aktiviti mengikut keutamaan. Urusan yang penting mesti diutamakan daripada yang kurang penting dan aktiviti yang kurang penting jangan pula sampai diabaikan

Ahli falsafah Jerman, Schopenhauer berkata, "Orang biasa tidak mempedulikan waktu yang ada, sementara orang yang bijak menggunakan waktu dengan baik".

Kita boleh mencontohi bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Walaupun sudah lanjut usia dan sibuk, beliau masih lagi memanfaatkan masa terluang dengan membaca sehingga dinobatkan sebagai Ikon Membaca Kebangsaan.

Terdapat enam tip menggunakan masa secara bermanfaat. Yang pertama adalah membaca. Kita seharusnya memperuntukkan lima jam sehari untuk membaca.

Seorang pelajar perlu membaca buku ilmiah untuk meningkatkan pengetahuan dan mengembangkan minda. Membaca al-Quran dapat menenangkan hati dan menyucikan jiwa yang kosong. Sebaik-baik waktu untuk membaca adalah sebelum maghrib dan subuh.

Yang kedua adalah ibadah. Binalah hubungan baik dengan Yang Maha Esa. Kebersihan hati dapat menjernihkan minda dan menguatkan hafalan.

Biasakan diri bangun malam untuk bertahajud kerana pada saat itulah kita dapat mengadu dan meluahkan perasaan kepada Allah SWT.

Daripada Abu Hurairah r.a., sabda Rasulullah SAW:

يُنزِلُ رَبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلَّ لَيْلَةٍ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا حِينَ يَبْقَى ثُلُثُ اللَّيْلِ الْأَجْرُ يَقُولُ: مَنْ يَدْعُونِي، فَأَسْتَجِيبَ لَهُ مَنْ يَسْأَلُنِي فَأُعْطِيَهُ، مَنْ يَسْتَغْفِرُنِي فَأَغْفِرَ لَهُ

Maksudnya: Tuhan yang Maha Berkat dan Maha Tinggi turun setiap malam ke langit dunia sewaktu masa berbaki sepertiga malam terakhir dan berfirman: Barangsiapa yang berdoa kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan baginya. Barangsiapa yang meminta kepada-Ku nescaya aku akan memberikan (apa yang dipinta) kepadanya. Barangsiapa yang meminta pengampunan daripada-Ku, nescaya Aku akan mengampuninya.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Yang ketiga adalah riadah. Berikan hak pada tubuh dengan sedikit regangan melalui riadah. Otak yang cerdas datang dari badan yang cergas.

Yang keempat adalah bergaul. Pergaulan dengan manusia akan melatih diri berkomunikasi dengan baik. Pastikan pergaulan itu mampu merangsang minda dengan aktiviti dan perbincangan yang bermanfaat.

Yang kelima adalah cakna. Pelajar mesti peka dengan perkembangan politik, ekonomi dan sosial agar tahu hal-hal yang berlaku di sekeliling kita.

Yang keenam adalah bersantai. Ambil sedikit masa untuk merehatkan jiwa. Pilihlah aktiviti santai yang tidak menyalahi syariat seperti berkelah di pantai atau bersiar-siar di taman. Aktiviti seperti ini mampu merehatkan dan mengembalikan semangat untuk melakukan aktiviti yang lain.

Isilah masa dengan perkara yang bermanfaat. Insya-Allah kita mampu menjadi pelajar yang berjaya dan membanggakan ibu bapa.